



**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YAB DATUK SERI UTAMA HJ SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
PADA
MAJLIS PERASMIAN HARI KOPERASI NEGARA (HKN) 2022
PERINGKAT NEGERI MELAKA SEMPENA SAMBUTAN
100 TAHUN GERAKAN KOPERASI DI MALAYSIA
TARIKH: 11 JUN 2022 (SABTU), MASA: 2.30 PETANG
DI DATARAN PAHLAWAN MELAKA MEGAMALL
BANDAR HILIR, MELAKA
(WAKIL: YB DATUK SERI AB RAUF BIN YUSOH)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat
Bahagia, Menggamit Dunia.

Terima kasih pengacara majlis.

(SALUTASI DISEDIAKAN DI ATAS ROSTRUM)

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama **memanjatkan kesyukuran** ke hadrat Allah SWT kerana di atas **rahmat dan izin-Nya** dapat kita bersama-sama dalam majlis yang bersejarah pada hari ini.
2. Terlebih dahulu, bagi pihak YAB Datuk Seri Utama Hj Sulaiman bin Md Ali, Ketua Menteri Melaka, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak penganjur, di atas kesudian menjemput saya untuk mewakili YAB Ketua Menteri merasmikan program ini.

3. Saya juga ingin menyampaikan salam takzim daripada YAB Ketua Menteri Melaka, kerana tidak dapat bersama semua di majlis ini, disebabkan ketentuan lain yang telah diatur terlebih dahulu dan tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, YAB Datuk Seri mendoakan agar majlis ini berjalan dengan lancar dan sempurna.

4. Terima kasih saya ucapkan kepada **Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)** selaku penganjur yang sudi menjemput saya untuk merasmikan Hari Koperasi Negara 2022 Peringkat Negeri Melaka sempena Sambutan 100 Tahun Gerakan Koperasi bermula di

negara kita yang diadakan selama **3 hari** bermula **10 sehingga 12 Jun 2022**.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

PERANAN KERAJAAN

5. Gerakan koperasi di Malaysia sudah pun **bertapak di negara kita** sejak sebelum merdeka lagi iaitu pada **tahun 1922**, dan pada tahun ini iaitu tahun 2022, **genaplah 100 tahun** kewujudan **entiti koperasi** di Malaysia. Saya dimaklumkan bahawa, koperasi pertama yang berdaftar pada tahun 1922 masih wujud

dan bergiat aktif sehingga ke hari ini, iaitu **Koperasi Telekom Malaysia Berhad (KOTAMAS)** dan **Koperasi Pos Nasional Berhad (KOPONAS)** yang dahulunya dikenali sebagai Syarikat Bekerjasama-sama Jimat Cermat dan Pinjaman Wang Pekerja-Pekerja Jabatan Pos dan Telekom Berhad, yang didaftarkan pada 21 Julai 1922.

6. Manakala di **negeri Melaka**, permulaan penubuhan koperasi adalah **pada tahun 1926**, namun masih ada koperasi yang tetap bertahan dan semakin aktif hingga ke hari ini iaitu **Syarikat Guru-Guru Melayu Melaka Bekerjasama-sama Jimat Cermat dan Pinjaman**

Wang Dengan Tanggong Berhad yang kini dikenali sebagai **Koperasi Guru-Guru Melayu Melaka Berhad** atau ringkasnya **KAGUM** yang didaftarkan pada **19 Januari 1926**. Tahniah saya ucapkan! Ini merupakan suatu pencapaian yang membanggakan dan saya pasti ia menjadi semangat kepada gerakan koperasi di negeri ini.

7. Tahniah juga kepada **Suruhanjaya Koperasi Malaysia** kerana berjaya **memantau dan mengawal selia** koperasi sehingga terbukti masih ada koperasi yang **mampu bertahan dan kekal aktif sehingga 100 tahun**. Tanpa adanya badan yang bertanggungjawab mengawal

selia serta membantu membangunkan koperasi seperti **Suruhanjaya Koperasi Malaysia**, saya pasti entiti koperasi tidak dapat berkembang dan maju dengan lebih baik.

Hadirin dan hadirat sekalian,

8. Berdasarkan statistik daripada Suruhanjaya, sehingga Disember 2021, gerakan koperasi di Negeri Melaka mempunyai bilangan koperasi berdaftar sebanyak **448** buah dengan bilangan keanggotaan individu seramai **172,087 orang** yang mempunyai jumlah modal syer dan modal saham terkumpul sebanyak **RM106 juta**.

Jumlah perolehan terkumpul dicatatkan sehingga Disember 2021 adalah berjumlah **RM124.08 juta**. **Peningkatan 48 peratus berbanding tahun 2020** jelas membuktikan bahawa gerakan koperasi ini mampu memacu perkembangan ekonomi negara khususnya negeri Melaka yang lebih mantap.

9. Saya yakin dengan adanya **kelonggaran** terhadap pemakaian **Prosedur Operasi Standard** yang diumumkan kerajaan baru-baru ini, aktiviti ekonomi yang kembali rancak akan **memberi kelegaan** kepada para usahawan termasuklah gerakan koperasi, terutamanya koperasi-koperasi yang menjalankan

aktiviti pelancongan yang **terjejas** sepanjang pandemik COVID-19 melanda dua tahun lepas.

10. Suruhanjaya Koperasi Malaysia adalah agensi di bawah **Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)** yang sentiasa berusaha untuk memastikan agar setiap koperasi berdaftar di Malaysia mampu mencapai objektif dan aspirasi penubuhannya, terutama dalam membantu ekonomi rakyat yang berpendapatan rendah. Pelbagai dasar, garis panduan dan inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan oleh Suruhanjaya membuktikan betapa kerajaan sentiasa komited di dalam memastikan nasib rakyat terbelah,

agihan kekayaan yang saksama serta memacu ekonomi negara agar terus berkembang maju.

11. Kerjasama strategik yang dijalankan dengan agensi-agensi lain termasuklah agensi kerajaan negeri di Melaka seperti Jabatan Pendidikan Negeri, Jabatan Pertanian dan Bahagian Penggalakan Pelancongan Negeri Melaka merupakan suatu usaha yang sangat dialu-alukan kerana ia selaras dengan objektif **Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035) yang mempunyai 175 strategi melalui 8 flagship** yang mana antaranya memfokuskan kepada pengwujudan aktiviti ekonomi setempat yang boleh dilaksanakan

melalui koperasi dan pemerksaan ekosistem keusahawanan secara komprehensif dan inklusif melalui sokongan kepimpinan kerajaan negeri dan penglibatan aktif daripada agensi-agensi di peringkat negeri dan persekutuan.

Hadirin dan hadirat, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

12. Sebagaimana semua sedia maklum, **PSMJ 2035** yang telah dilancarkan pada bulan Mac 2021, telah menetapkan hala tuju Melaka Rumahku yang terkandung dalam slogan negeri Melaka iaitu

‘Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia’ dengan **visi Menuju Negeri Lestari** dan **misi** berasaskan perkataan **T.E.R.A.S** iaitu **Teknologi, Entrepreneurship, Revolusi Industri dan Ekonomi, Antarabangsa dan Sejahtera**. Saya percaya, peranan Gerakan Koperasi Negeri Melaka akan lebih kuat dan signifikan jika usaha-usaha kolaborasi dan kerjasama yang lebih erat dapat dijalin dan digabungkan melalui gerak kerja dan hala tuju yang digariskan dalam PSMJ 2035.

13. Sebagai EXCO bertanggungjawab kepada pembangunan gerakan koperasi di negeri ini, saya telah pun meletak dan memasukkan perkataan pembangunan koperasi di bawah portfolio saya dan telah pun diluluskan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada Mac 2022 yang lalu kerana saya yakin, agenda pembangunan ekonomi rakyat melalui gerakan koperasi adalah salah satu mekanisma yang sangat relevan dalam mendokong objektif PSMJ 2035. Insya-Allah.

14. Justeru, saya menyeru kepada koperasi-koperasi di negeri Melaka ini untuk memperkasakan diri dan meningkatkan daya saing agar dapat terus maju ke hadapan serta merebut peluang-peluang ekonomi yang tersedia, bersatu padu, dan saling bekerjasama untuk membuat perubahan ke arah transformasi ekonomi negeri Melaka. Saya juga berharap agar **Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Institut Koperasi Malaysia (IKMa)** dan **Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA)** selaku agensi yang bertanggungjawab dalam pembangunan gerakan koperasi untuk kekal relevan dan signifikan dalam memainkan peranan masing-masing agar sosio ekonomi para anggota

koperasi yang berjumlah lebih **170 ribu** di negeri Melaka ini terus terbela melalui gerakan koperasi.

15. Pengiktirafan ke atas koperasi-koperasi yang telah mencapai prestasi yang cemerlang melalui beberapa anugerah yang akan diumumkan sebentar nanti merupakan satu manifestasi kejayaan koperasi yang seharusnya menjadi pembakar semangat kepada warga koperasi untuk lebih berjaya, selain memberi kesedaran kepada orang ramai bahawa Gerakan Koperasi juga merupakan penyumbang berkesan kepada ekonomi negara. Tahniah dan syabas kepada koperasi-koperasi yang akan menerima anugerah sebentar nanti.

16. Akhir kata, dengan lafaz kalimah suci Bismillahirrahmanirrahim, saya mewakili YAB Ketua Menteri Melaka dengan sukacitanya merasmikan Hari Koperasi Negara (HKN) 2022 Peringkat Negeri Melaka Sempena Sambutan 100 Tahun Gerakan Koperasi.

Sekian,

Wabillahitaufiq Walhidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

-TAMAT-

